JURNAL ARKEOLOGI MALAYSIA

BILANGAN 24 – 2011 • KDN PP 6026/10/09 • ISSN 0128 – 0732





JURNAL ARKEOLOGI MALAYSIA

Bilangan 24 - 2011

Diterbitkan oleh

IKATAN AHLI ARKEOLOGI MALAYSIA
d/a Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur

Kandungan

Jurnal Arkeologi Malaysia, 24, 2011

Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Analisis Motif dan Pola Hiasan

oleh
*ADNAN JUSOH, Ph.D.**

Abstrak

Esei ini akan meninjau sejauhmana lakaran motif dan pola hiasan yang dipaparkan pada gendang Dongson dapat merungkai perkembangan dan aktiviti masyarakat prasejarah di negara ini. Ini kerana setakat ini sebanyak lapan (8) buah gendang gangsa dari jenis Heger I atau seringkali dikenali juga dengan Gendang Dongson telah dilaporkan ditemui di Semenanjung Malaysia. Penemuan objek ini kebanyakannya adalah berhampiran dengan kawasan pesisir pantai atau sungai, di antaranya ialah di Kampung Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang (sebuah); Kampung Bukit Kuda, Klang, Selangor (sebuah); Sungai Lang, Morib, Selangor (dua buah); Kampung Sungai Sedu, Selangor (sebuah); Kampung Batu Buruk, Terengganu (dua buah) dan Kampung Gaung, Jertih, Terengganu (sebuah). Penemuan objek ini secara tidak langsung telah menambahkan lagi koleksi artifak Zaman Logam di negara ini yang membuktikan masyarakat Zaman Prasejarah telah mempunyai rangkaian hubungan perdagangan purba dengan negara luar khususnya Asia Tenggara. Menariknya, gendang Dongson yang ditemui di negara ini juga turut menampilkan pelbagai lakaran motif dan pola hiasan sama ada di atas timpanum atau badan gendang tersebut. Di antara motif yang dipaparkan ialah motif bintang, motif tangga, motif segitiga, motif bulatan bertangen, motif bulatan bertitik, motif burung pucung, motif burung terbang dan sebagainya. Apa yang lebih menarik lagi ialah maksud yang tersirat di sebalik lakaran motif dan

---

* Pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).

pola hiasan yang dipaparkan tersebut menimbulkan pelbagai interpretasi yang dikemukakan oleh penyelidik, tidak lain tidak bukan semuanya adalah untuk membongkar dan menggali cara hidup atau budaya masyarakat prasejarah di negara ini sama ada dari aspek sosial, kepercayaan, aktiviti ekonomi, hubungan luar dan sebagainya.

Pendahuluan

Lazimnya ramai daripada kita sering kali keliru apabila disebut tentang gendang Dongson, lebih-lebih lagi bagi mereka yang tidak begitu biasa dalam bidang arkeologi. Malah tidak sedikit orang yang menyatakan bahawa artifak gendang gangsa ialah gendang Dongson. Sebenarnya dari segi istilah, gendang gangsa ialah sejenis artifak yang menyerupai rupa bentuk seperti sebuah gendang dan keseluruhannya adalah diperbuat daripada gangsa. Manakala gendang Dongson ialah sejenis gendang yang diperbuat daripada gangsa tetapi hanya dari klasifikasi Heger I sahaja.[1] Objek ini terdiri daripada beberapa komponen logam seperti tembaga, timah, plumbum, besi dan zink. Menurut Leong Sau Heng, lokasi asal ditemui artifak ini ialah di sebuah perkampungan yang bernama Dongson, dalam daerah Thanh-hoa, utara Vietnam. Gendang ini dinamakan gendang Dongson kerana mengambil kira lokasi asal ianya ditemui. Artifak ini tersebar dalam Zaman Gangsa di beberapa kawasan di Asia Tenggara. Zaman Gangsa dikatakan wujud dalam Zaman Logam iaitu tahap zaman akhir prasejarah.[2] Zaman Logam merupakan satu zaman di mana kehidupan sosial masyarakatnya mengamalkan kebudayaan yang menggunakan peralatan yang diperbuat daripada logam.

Gendang Dongson banyak tersebar di Asia Tenggara dan merupakan salah satu artifak zaman Logam yang sangat penting. Sering kali gendang gangsa dikenali juga dengan nama mengikut lokasi di mana ia dijumpai. Contohnya Trong Dongson (Vietnam), Gendang Ubon, Gendang Nelson, Gendang Ngoc-Lu, Gendang Hoang

---

1 Franz Heger telah membuat klasifikasi gendang gangsa yang ditemuinya di Vietnam dalam 1902 kepada empat jenis iaitu *Heger I, Heger II, Heger III* dan *Heger IV*. Beliau telah mengkategorikan gendang gangsa dari jenis Heger I yang ditemui di Vietnam sebagai gendang gangsa yang terawal sekali. Kajian beliau telah diterbitkan di dalam bukunya yang bertajuk "*Alte Metallstrommeln aus Sudestasien*" (Old Metal Drums in Southeast Asia) pada tahun 1902.

2 Zaman Gangsa terbahagi kepada dua iaitu Zaman Gangsa Awal dan Zaman Gangsa Akhir. *Zaman Gangsa Awal* dikatakan wujud sebelum terdapatnya pengetahuan berkaitan dengan pertukangan besi. Pada peringkat permulaan Zaman Gangsa (zaman awal) yang bermula kira-kira 2500 tahun dahulu, didapati hanya alat-alat kecil sahaja yang dihasilkan kerana logam gangsa ketika itu sukar diperolehi. Oleh itu, cuma peralatan tangan sahaja yang dibuat ketika itu seperti mata beliung, mata lembing dan mata kapak di samping alat perhiasan tangan seperti gelang tangan gangsa. Ini diikuti pula *Zaman Gangsa Akhir* yang wujud setelah melihat kepada pencapaian hasil kreativiti dan metafizika masyarakat yang kian meningkat maju. Fenomena ini dapat dilihat menerusi tahap pencapaian hasil pertukangan tangan masyarakatnya yang telah menunjukkan satu kemajuan yang ketara. Antara hasil kreativiti yang utama ialah penciptaan gendang Dongson dan loceng gangsa iaitu objek yang lebih besar berbanding yang dihasilkan di zaman awal.

Ha, Gendang Moulie (Laos), gendang Karen dan kyee-zee atau pa-zee yang bermakna katak (Burma) (Dhanit Yupho, 1960). Hal yang sama juga berlaku di Indonesia, di mana ianya dikenali berdasarkan lokasi ianya ditemui, contohnya Mako atau Moko (Alor), kendang Perunggu (Pulau Pantar), gendang Gelang/Tambur (Manggarai, Flores), Tamra/Tambra (Jawa), Moko Malai (Roti), Tifa Guntur (Maluku) dan Pejeng (Bali) (R.P. Soejono, 1977).

Penemuan Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia

Selain ditemui di utara Vietnam, gendang Dongson juga dijumpai di beberapa lokasi seperti Thailand, Burma, China, Laos dan Malaysia. Menurut Leong Sau Heng, gendang Dongson turut ditemui di gugusan Kepulauan Indonesia seperti Salayar, Sangeang, Flores, Alor, Roti, Pulau Serua, Pulau Gorom, Pulau Buru dan Irian Jaya, gugusan Pulau Banda termasuk Leti, Luang dan Pulau Kai.

Penemuan gendang Dongson di Malaysia adalah sebanyak lapan buah dan kesemuanya terletak di Semenanjung iaitu tiga (3) buah di Terengganu, sebuah (1) di Pahang dan empat (4) buah di Selangor.[3] Jumpaan gendang gangsa yang terbaru setakat ini ialah di Pulau Timbang Dayang, Sabah iaitu dalam tahun 1995.[4] Kronologi jumpaan gendang Dongson di negara ini dipaparkan dalam *Lampiran 1*. Manakala rupa bentuk gendang Dongson yang dijumpai di negara ini dapat dirujuk di *Lampiran 2, Lampiran 3, Lampiran 4, Lampiran 5, Lampiran 6* dan *Lampiran 7*. Sementara lokasi jumpaan gendang Dongson di negara ini dapat dilihat di *Lampiran 8* dan taburan jumpaan gendang Gangsa di rantau Asia Tenggara boleh dilihat di *Lampiran 9*.

Analisis Motif dan Pola Hiasan

Kajian ke atas motif dan lakaran pola hiasan gendang Dongson dipercayai dapat membantu para penyelidik untuk membuat pelbagai interpretasi berkaitan masyarakat silam. Melalui motif dan lakaran pola hias yang terdapat pada gendang Dongson dapat dijadikan ukuran untuk meninjau sejauhmanakah daya kreativiti dan juga perkembangan metafizika masyarakat pendokongnya.

---

3 Memandangkan terdapat gendang Dongson di negara ini yang dtemui secara berpasangan iaitu di Kampung Sungai Lang, Selangor dan Kampung Batu Buruk, Terengganu, maka di dalam kajian ini gendang yang bersaiz kecil akan dikenali gendang (i), manakala gendang bersaiz besar akan dikenali gendang (ii).


4 Menurut Leong Sau Heng, gendang ini adalah bukan dari klasifikasi Heger I berdasarkan rupa bentuknya yang menunjukkan sedikit kelainan. Ini kerana rupa bentuk timpanumnya tidak bulat sebaliknya berbentuk agak bundar. Selain itu juga sifat permukaan timpanumnya agak kasar dan tidak selicin permukaan gendang Dongson. Leong Sau Heng, Heger 1 type drums found in Malaysia: Some comments on the significances of these finds. Kertas Kerja International seminar on Dongson culture and tradition in Southeast Asia, 14-17 Januari 2002, Muzium Negeri Terengganu.

Berikut adalah beberapa jenis motif yang telah dikenal pasti terdapat pada gendang Dongson di negara ini iaitu;

Motif Bintang

Motif bintang adalah salah satu motif yang paling popular di dalam kajian mengenai gendang Dongson. Rupa bentuknya hampir-hampir menyerupai lakaran sebutir bintang dan kedudukannya adalah di bahagian tengah timpanum gendang Dongson. Berdasarkan kajian yang dibuat setakat ini, didapati kesemua gendang Dongson yang ditemui di negara ini mempunyai motif sebutir bintang kecuali gendang Dongson yang ditemui di Kampung Sungai Sedu, Selangor.[5] Untuk melihat contoh motif ini, sila rujuk *Rajah 1* yang memaparkan rupa bentuk motif bintang gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Terengganu.

Sungguhpun demikian, jika diteliti dengan mendalam di antara gendang-gendang Dongson yang ditemui didapati terdapat sedikit perbezaan dari segi bilangan bucu (cabang) motif bintang berkenaan. Ini kerana sesetengah motif yang digunakan ada yang berbucu lapan, sepuluh, dua belas, empat belas atau enam belas (Leong Sau Heng, t.t.). Misalnya bucu bagi gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, gendang Dongson Sungai Tembeling (10 bucu), gendang Dongson Kampung Bukit Kuda/Klang, Selangor (10 bucu), gendang Dongson



***Rajah 1:** Ilustrasi Menunjukkan kedudukan Motif Bintang Gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Terengganu.*

5 Rupa bentuk artifak ini dalam keadaan serpihan yang kecil dan tidak sempurna serta lakaran motifnya juga sukar dikenali (kabur) menyebabkan analisa tidak dapat dilakukan dengan tepat.

Kampung Sungai Lang, Selangor (dua buah) iaitu gendang (i)-(10 bucu) dan gendang (ii)-(12 bucu), gendang Dongson Kampung Batu Buruk, Terengganu (dua buah) iaitu gendang (i)-(10 bucu) dan gendang (ii)-(12 bucu) dan gendang Dongson Kampung Gaung, Terengganu (12 bucu).

Sebenarnya kajian ke atas motif bintang yang terdapat pada gendang gangsa pernah dibuat oleh beberapa penyelidik Barat sebelum ini. Sebagai contoh, berdasarkan kajian yang dibuat oleh Franz Heger (1902), daripada sejumlah 144 buah gendang Dongson yang dikaji, majoritinya (118) mempunyai 12 bucu, sebuah (6 bucu), lapan belas (8 bucu), empat (10 bucu) dan dua (14 bucu) (Bernet Kempers, 1988) . Jika ditinjau dari aspek saiz pula, didapati saiz besar atau kecil motif bintang juga turut mempengaruhi rupa bentuk bucunya. Ini kerana semakin banyak bilangan bucu pada motif bintang, maka rupa bentuk bucunya akan menjadi semakin tirus dan tajam. Kedudukan ini dapat dirujuk di *Lampiran 10* yang memaparkan rupa bentuk bucu bintang beberapa artifak gendang Dongson yang ditemui di rantau ini. Contohnya gendang Moulie adalah berkeadaan tirus dan tajam iaitu hampir sama dengan gendang Hoang Ha. Sebaliknya didapati gendang Laos nampak besar bentuk bucunya berbanding dengan gendang Battambang dan gendang Dongson Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang. Keadaan seperti ini juga sebenarnya turut berlaku pada rupa bentuk motif bintang gendang Dongson yang ditemui di negara ini, di mana semakin banyak bilangan bucunya, maka didapati rupa bentuk bucunya juga menjadi semakin tajam dan tirus. Berdasarkan *Lampiran 10* juga didapati motif bintang gendang Dongson Kampung Kampung Gaung, gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i) dan (ii), Terengganu, gendang Dongson Kampung Sungai Lang (i), Selangor dan gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang adalah hampir sama rupa bentuknya. Sebaliknya motif bintang Kampung Sungai Lang (ii) pula agak berlainan sedikit di mana rupa bentuknya agak tirus dan runcing.


Jika ditinjau dari aspek interpretasi, didapati motif bintang yang terdapat pada timpanum gendang Dongson yang ditemui masih tidak ada satu kepastian yang mutlak. Ini kerana motif ini boleh jadi ia adalah sebutir 'bintang', tetapi motif tersebut juga boleh ditafsirkan sebagai lambang 'matahari'. Polemik tentang motif ini pernah berlaku di antara penyelidik dari Vietnam dan China yang masing-masing mendakwa motif tersebut adalah gambaran yang mewakili masyarakat mereka. Penyelidik Vietnam lebih cenderung untuk menyatakan bahawa motif tersebut adalah lambang matahari yang mempunyai hubung kait dengan kepercayaan masyarakat Vietnam kuno yang dikatakan menyembah matahari (Han Xiaorong, 1998). Sebaliknya bagi penyelidik China pula, mereka menyatakan bahawa motif tersebut juga sebenarnya adalah sebagai manifestasi kepada kepercayaan masyarakat China kuno yang juga menyembah matahari terutama sekali komuniti Chu dan beberapa komuniti lain yang mendiami selatan China (Han Xiaorong, 1998). Tegasnya penyelidik dari kedua-dua negara ini sama-sama berpendapat bahawa motif berkenaan adalah lambang matahari dan bukannya bintang. Begitu juga

dengan Bernet Kempers dalam bukunya yang bertajuk *Kettledrums of Southeast Asia*, beliau lebih cenderung untuk menyatakan bahawa motif yang terdapat di atas timpanum tersebut adalah 'matahari' yang sedang bersinar (Bernet Kempers, 1988). Sebaliknya tidak demikian bagi Leong Sau Heng, beliau mentafsirkan motif tersebut sebagai sebutir 'bintang' (Leong Sau Heng, t.t.).

Motif Segi Tiga

Motif ini berbentuk segi tiga dua sama dan kedudukannya adalah terletak di celah bucu motif bintang. Didapati hampir kesemua gendang Dongson yang ditemui di negara ini mempunyai motif segi tiga kecuali sebuah iaitu gendang Dongson Kampung Sungai Sedu, Selangor. Jika diteliti secara mendalam didapati di dalam motif segi tiga ini terdapat beberapa lakaran pola hiasan yang tertentu dan lazimnya ia adalah berbeza di antara satu sama lain. Biasanya lakaran pola hiasan di dalam motif ini adalah berbentuk garisan lurus, namun demikian kadangkala terdapat juga lakaran lain yang berbentuk bulatan bertitik hitam di tengah-tengahnya atau titik hitam yang tersusun rapi. Ini dapat diperhatikan di dalam *Rajah 2* yang memaparkan kedudukan motif segi tiga yang terdapat pada gendang Dongson.

Sebenarnya jumlah motif segitiga pada sesebuah gendang Dongson juga berbeza kerana ia bergantung kepada jumlah atau bilangan bucu motif bintang sesebuah gendang tersebut. Contohnya, bilangan bucu motif bintang yang terdapat pada gendang Dongson Bukit Kuda sepuluh, maka bilangan motif segitiga yang terdapat pada gendang berkenaan juga adalah sepuluh. Sungguhpun demikian tidak



Rajah 2: *Ilustrasi Menunjukkan Rupa Bentuk dan Kedudukan Motif Segitiga Gendang Dongson Bukit Kuda, Selangor.*

dinafikan bahawa motif ini turut dipengaruhi oleh bilangan bucu bintang. Ini kerana semakin banyak bilangan bucu motif bintang maka dengan sendirinya motif segitiga juga akan menjadi semakin kecil dan tirus. Begitu juga sebaliknya, jika bilangan bucu bintang sedikit (contohnya lapan), maka motif segi tiga juga dengan sendirinya akan berbentuk agak lebar sedikit berbanding dengan bilangan motif bintang yang banyak seperti sepuluh, dua belas, empat belas atau sebagainya.

Jika diperhatikan pada *Lampiran 11*, didapati ada di antara motif segitiga yang mempunyai unsur persamaan dengan lakaran kepala seekor ikan seperti bentuk mata dan insang. Dari aspek yang lain, perbezaan lakaran yang terdapat pada motif tersebut adalah menunjukkan tahap-tahap usia gendang itu sendiri. Ini kerana jika diperhatikan motif yang *simple* dengan sendirinya akan menunjukkan gendang tersebut adalah tua (awal) dan begitulah sebaliknya. Lakaran yang berbentuk simple yang dimaksudkan di sini ialah motif yang terdapat hanya garisan lurus dan tidak terdapat lakaran yang menyerupai rupa bentuk bulatan atau garisan bertitik. Ini dapat diteliti pada gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang, didapati motif segitiga pada gendang ini adalah berbeza dengan motif segitiga yang terdapat pada gendang Dongson Bukit Kuda, Selangor ataupun gendang Dongson yang lain. Ini kerana motif segitiga gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling adalah berbentuk simple dengan garisan lurus yang tersusun rapi di dalamnya. Sesungguhnya adalah sukar untuk menafikan bahawa bentuk motif segi tiga yang berbeza ini sebenarnya adalah sebahagian daripada unsur identiti gendang Dongson itu sendiri. Besar kemungkinan juga perbezaan ini menunjukkan paparan identiti bagi bengkel atau tukang yang membuat gendang tersebut.

Berdasarkan *Lampiran 11* juga berkemungkinan gendang Laos dan gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang adalah lebih tua jika dibandingkan dengan jumpaan gendang Semarang, Indonesia dan gendang Moulie. Besar kemungkinan juga usia gendang Battambang dan gendang Dongson Bukit Kuda/Klang, Selangor adalah sama kerana rupa bentuknya adalah hampir sama. Di samping itu, tidak dinafikan juga ada kemungkinan gendang berkenaan adalah dari bengkel yang sama.

Begitu juga dengan motif segi tiga yang terdapat pada gendang Dongson yang ditemui di negara ini. Didapati motif segi tiga gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang adalah hampir sama dengan gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Terengganu. Ini kerana lakaran dan pola hiasan motif yang terdapat di dalam motif segi tiga gendang berkenaan adalah berbentuk ringkas. Begitu juga dengan lakaran dan pola hiasan yang terdapat di dalam motif segitiga gendang Dongson Bukit Kuda/Klang dan gendang Dongson Kampung Sungai Lang (i), Selangor didapati adalah hampir sama dengan gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu.

Kajian menunjukkan bahawa lakaran dan pola hiasan rupa bentuk motif segi tiga adalah berbeza di antara satu sama lain. Didapati motif segitiga gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang adalah hampir

sama dengan gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Terengganu di mana lakaran dan pola hiasannya adalah berbentuk garisan yang simple. Begitu juga dengan gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii) dan gendang Dongson Kampung Gaung, Terengganu didapati keduanya mempunyai sedikit persamaan dari segi lakaran dan pola hiasan di dalam motif segi tiga gendang berkenaan. Sementara itu gendang Dongson Kampung Sungai Lang (ii), Selangor, pula hampir sama dengan pola hiasan dalam motif segi tiga dengan gendang Dongson Kampung Bukit Kuda/Klang, Selangor.


Berdasarkan kajian tipologi, gendang Dongson yang mempunyai bucu yang besar sifatnya adalah di dalam kategori gendang yang dibuat lebih awal, sebaliknya jika bucu motif bintang yang kelihatan lebih tirus adalah mewakili peringkat yang lebih terkemudian (muda). Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, sekiranya bilangan bucu motif bintang adalah sedikit (misalnya 8), maka dengan sendirinya motif segi tiga itu akan menjadi semakin tirus. Selain itu, elemen ini turut mempengaruhi penentuan usia artifak sama ada tua atau muda. Ini kerana berdasarkan kajian tipologi jelas menunjukkan bahawa besar kemungkinan bucu yang sedikit adalah melambangkan gendang berkenaan juga adalah lebih tua (awal) berbanding dengan motif bintang yang banyak (sama ada 10, 12 atau 16) yang dikatakan lebih muda (kemudian).

Motif Tangga

Motif ini adalah berbentuk segiempat bujur yang disusun secara bersambungan di antara satu sama lain. Sekali imbas jika dilihat dari pandangan posisi sebelah atas, motif ini seolah-olah lakaran pola hias yang memperlihatkan satu susunan anak tangga. Motif tangga (Ladder Patern) lazimnya terdapat di atas timpanum gendang. Walau bagaimanapun motif ini juga dikesan terdapat pada bahagian badan atau pinggang gendang Dongson Kampung Gaung, Terengganu.

Hampir kesemua gendang Dongson yang ditemui di negara ini memaparkan motif tangga kecuali gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Terengganu. Motif tangga juga kadang kala diukir bersama-sama dengan motif bulatan bertangen dalam keadaan tersusun mengelilingi motif bintang. Jika dilihat dari segi saiz, ukuran motif tangga ini didapati adalah *streotype* iaitu di antara 3 mm hingga 5 mm (lebar) dan 112 mm hingga 116 mm (panjang). Dengan mengambil contoh motif tangga gendang Dongson Kampung Gaung, Terengganu, ukuran motif tangga ialah 4 mm (lebar) X 114 mm (panjang). Contoh rupa bentuk motif tangga yang terdapat pada gendang Dongson Kampung Gaung, Terengganu adalah seperti dalam *Rajah 3.*

Di samping itu, di antara contoh motif tangga yang terdapat pada timpanum beberapa gendang gangsa di negara ini ialah gendang Dongson Bukit Kuda/Klang, Selangor dan gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang. Manakala contoh gendang gangsa luar yang memaparkan motif tangga ialah gendang Battambang, Kemboja, gendang Semarang, Jawa, Indonesia dan Roti, Indonesia dan Hoang Ha, Vietnam.



Rajah 3: *Ilustrasi Rupa Bentuk Motif Tangga Gendang Dongson Kampung Gaung, Kuala Terengganu.*


Berdasarkan penelitian ke atas gendang Dongson yang ditemui di negara ini, didapati motif tangga terdapat pada gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang, Bukit Kuda/Klang, Kampung Sungai Lang (i) dan Sungai Lang (ii), Selangor, Kampung Gaung dan Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu. Lazimnya kedudukan motif tangga juga adalah berdekatan dengan motif bulatan bertitik atau bulatan bertangen. Untuk melihat rupa bentuk motif ini sila rujuk *Lampiran 12.*

Motif Gergaji

Rupa bentuk motif ini adalah berbentuk tiga segi yang tajam dan seiras dengan bentuk mata gergaji. Kedudukan motif gergaji adalah terletak di atas timpanum gendang dan biasanya adalah bersebelahan dengan motif bulatan bertangen. Contoh motif ini dapat dilihat pada gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Terengganu. Jika diperhatikan pada artifak berkenaan, didapati ia memaparkan kedudukan motif gergaji adalah bersebelahan dengan motif bintang dan motif bulatan bertangen di sebelah luarnya. Di samping itu, motif gergaji juga didapati dilakarkan secara berdekatan dengan motif burung.

Kajian mendapati hanya dua buah gendang Dongson sahaja yang mempunyai motif gergaji iaitu gendang Dongson Kampung Sungai Lang (ii), Selangor dan Kampung Batu Buruk (i), Terengganu. Walau bagaimanapun berdasarkan penelitian ke atas serpihan gendang Dongson Sungai Lang (ii), Selangor didapati motif ini juga diukir di bahagian bahu gendang berkenaan bersama dengan motif bulatan bertangen. Dari segi kedudukan, motif ini seringkali disusun seolah-olah mengelilingi motif lain seperti motif tangga, motif bulatan bertangen, motif burung dan juga motif bintang pada sesebuah gendang. Di antara beberapa contoh gendang

gangsa dari luar yang mempunyai motif gergaji ialah gendang Hoang-ha, Vietnam dan gendang Babakan, Jawa, Indonesia. Manakala *Rajah 4* berikut memaparkan motif gergaji yang terdapat di atas timpanum gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i).



***Rajah 4:** Rupa Bentuk Motif Gergaji Gendang Dongson Batu Buruk (i), Terengganu.*

Berkaitan dengan motif ini juga, seorang penyelidik tekstil dari Thailand iaitu Savitri Suwansathit di dalam artikelnya yang bertajuk 'Symbolism in Textiles an Inter-Cultural Experience', menyatakan motif segi tiga yang terdapat pada tekstil sebagai motif 'zig-zag'. Beliau menyatakan bahawa motif ini sering ditemui terdapat pada gendang gangsa yang pernah ditemui di Laos dan Thailand. Jika dihalusi ternyata motif zig-zag pada tekstil berkenaan adalah hampir sama dengan motif gergaji yang terdapat pada gendang Dongson. Setakat ini tidak diketahui adakah persamaan ini disebabkan oleh lakaran motif ini yang terlalu *simple* atau sebaliknya. Besar kemungkinan motif ini adalah sebahagian daripada pengaruh kebudayaan Dongson kerana tekstil merupakan industri yang sangat baru berkembang jika dibandingkan dengan jumpaan gendang Dongson yang dipercayai dihasilkan kira-kira 500 tahun SM (Savitri Suwansathit, 1992).


Motif Bulatan Bertitik

Motif bulatan bertitik merupakan sebuah bulatan yang mempunyai satu titik di tengah-tengahnya (sila rujuk *Lampiran 13*). Sekali imbas motif bulatan bertitik tidak menampakkan perbezaan yang begitu ketara.[6] Ukuran saiz motif ini adalah


6 Jika diteliti secara mendalam didapati motif bulatan bertitik (Dotted Circles) ini terbahagi kepada dua jenis. *Pertama* ialah motif bulatan bertitik tanpa titik hitam di tengah-tengahnya dan *kedua* ialah motif bulatan bertitik dengan titik hitam berada di tengah-tengahnya

streotype dan tidaklah mempunyai perbezaan yang begitu ketara di antara gendang Dongson yang terdapat di negara ini iaitu di antara 3.0 mm hingga 3.5 mm. Sebagai contoh, gendang Dongson yang dijumpai di Kg. Batu Buruk (ii), Terengganu (yang bersaiz besar), didapati saiz motif bulatan bertitik adalah berukuran lebih kurang 3.5 mm (garis pusat).

Kedudukan motif ini adalah disusun secara berturutan tetapi tidak bersambung antara satu sama lain. Jika dilihat dari segi susun atur, motif ini diukir mengelilingi motif bintang. Kebiasaannya motif bulatan bertitik ini terdapat di atas timpanum gendang Dongson. Tetapi berdasarkan penelitian ke atas gendang Dongson Bukit Kuda/Klang, Selangor, didapati motif ini juga telah dikesan terdapat pada bahagian



Rajah 5: *Rupa Bentuk Motif Bulatan Bertitik (Tanpa Titik Berwarna Hitam di Tengah) Gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Kuala Terengganu.*




Rajah 6: *Rupa Bentuk Motif Bulatan Bertitik (Dengan Titik Berwarna Hitam Terletak di Tengah) Gendang Dongson Klang, Selangor.*

badan atau pinggang gendang. Berikut adalah dua contoh corak lakaran bulatan bertitik yang sering menjadi pola hiasan gendang Dongson iaitu motif bulatan bertitik (tanpa titik berwarna hitam ditengah) dan motif bulatan bertitik yang terdapat di tengah-tengahnya satu titik berwarna hitam.


Di antara beberapa contoh gendang Dongson di negara ini yang mempunyai motif bulatan bertitik ialah gendang Dongson Kampung Sungai Sedu, Bukit Kuda/ Klang, Selangor (bulatan bertitik tanpa titik di tengah). Manakala motif bulatan bertitik dengan titik hitam di tengah ialah gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu dan juga gendang dari Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang. Bagaimanapun berdasarkan penelitian ke atas gendang gendang Dongson Kampung Sungai Lang, Selangor, didapati kedua-dua artifak berkenaan tidak mempunyai motif ini. Manakala contoh gendang gangsa luar yang mempunyai motif bulatan bertitik ialah gendang Banyumening, gendang Babakan, gendang Roti, Indonesia. Berdasarkan kajian yang dibuat setakat ini, didapati di Semenanjung Malaysia, hanya tiga buah gendang Dongson sahaja yang mempunyai motif bulatan bertitik iaitu gendang Dongson Bukit Kuda/Klang, Selangor, Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu dan Sungai Tembeling, Pahang. Untuk melihat Rupa Bentuk Motif Bulatan Bertitik Beberapa Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia, sila rujuk *Lampiran 14.*

Motif Bulatan Bertangen

Motif ini merupakan kombinasi motif bulatan bertitik yang bersambung di antara satu sama lain dengan satu garisan. Motif ini diatur sebegitu rupa sehingga membentuk satu rantaian bulatan yang mengelilingi motif bintang. Keadaan ini dapat dirujuk di *Lampiran 15*. Dari segi saiz, didapati motif ini adalah streotype dan tidaklah mempunyai perbezaan yang begitu ketara di antara satu sama lain.



***Rajah 7:** Rupa Bentuk Motif Bulatan Bertangen (Tanpa Titik Berwarna Hitam di Tengah) Gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Kuala Terengganu.*



Rajah 8: *Rupa Bentuk Motif Bulatan Bertangen (Dengan Titik Berwarna Hitam Terletak di Tengah) Gendang Dongson Kampung Sungai Lang (ii), Selangor.*

Contohnya saiz motif bulatan bertangen pada gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Terengganu adalah lebih kurang sama dengan ukuran corak bulatan bertitik gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu iaitu dengan garis pusat sebanyak 3.5 mm. Tetapi yang membezakan di antara keduanya ialah wujudnya satu garisan lurus yang berfungsi menyambungkan dua bulatan bertitik tersebut.

Berikut adalah dua contoh bentuk atau pola hiasan bagi motif Bulatan Bertangen sebagaimana yang terdapat pada gendang Dongson yang ditemui di negara ini.


Berdasarkan kajian ke atas gendang Dongson yang dijumpai di negara ini yang mempunyai corak bulatan bertangen ialah gendang Dongson Kampung Gaung, Terengganu, Kampung Sungai Lang (i) dan Sg. Lang (ii), Selangor (dengan titik hitam terdapat di tengah). Sementara gendang Dongson yang mempunyai motif bulatan bertangen tanpa titik hitam di tengah-tengahnya ialah gendang Kampung Batu Buruk (i), Terengganu. Rupa bentuk motif ini dapat dirujuk di *Lampiran 16.* Manakala contoh gendang gendang dari luar yang mempunyai corak hiasan bulatan bertangen ialah gendang Hoang Ha (Vietnam), gendang Mersi (Jawa) dan Semarang, Indonesia.

Motif Atap

Motif ini dinamakan sedemikian rupa kerana apabila diperhatikan dari posisi sebelah atas, sekali imbas ia hampir menyerupai corak 'atap' rumah. Rupa bentuk susunannya amat menarik dipandang sekaligus menampakkan nilai seni orang yang membuatnya. Sekiranya interpretasi ini benar, adalah jelas menunjukkan bahawa masyarakat di zaman tersebut telah hidup (tinggal) di dalam rumah. Sebenarnya

motif ini amat jarang ditemui pada bahagian badan atau timpanum gendang melainkan hanya terdapat pada tangkai atau pemegang gendang Dongson sahaja. Biasanya gendang Dongson mempunyai empat tangkai yang berfungsi sebagai tempat pemegang. Namun demikian kadangkala ada juga gendang Dongson yang mempunyai dua tangkai yang berkembar dua. Ini menjadikan jumlah keseluruhan tangkai gendang tersebut adalah sebanyak lapan tangkai. Biasanya kedudukan tangkai ini adalah terletak di bahagian badan yang menghubungkan bahagian bahu dengan bahagian pinggang gendang berkenaan. B.A.V. Peacock menyatakan pada gendang Dongson Kampung Sungai Lang, Selangor terdapat dua pasang tangkai pemegang yang diperbuat daripada logam yang dihiasi dengan satu corak menyerupai *tali berdandan* (B.A.V. Peacock, 1969). Sebenarnya selain daripada istilah motif tali berdandan yang dinyatakan oleh B.A.V. Peacock, motif ini juga dikenali sebagai motif *tali berpintal*. Bagaimanapun di dalam penulisan ini, kedua-dua motif tersebut adalah merujuk kepada motif atap.

Setakat ini hanya gendang Dongson yang ditemui di Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu sahaja yang memaparkan motif atap di bahagian tangkai pemegang gendang Dongson berkenaan. Ini kerana kebanyakan gendang Dongson lain yang ditemui tidak berada di dalam keadaan begitu sempurna dan mempunyai tangkai pemegang melainkan hanya terdapat beberapa serpihan bahagian badan dan juga serpihan timpanum sahaja. Motif atap juga didapati terdapat di timpanum gendang Dongson Kampung Sungai Lang (ii), Selangor. Rupa bentuk motif ini dapat diperhatikan di *Lampiran 17*. Berikut adalah rupa bentuk tangkai atau pemegang gendang Dongson yang memaparkan motif atap rumah dan dilihat dari posisi sebelah atas.



Rajah 9: *Ilustrasi Rupa Bentuk Motif Atap Gendang Dongson Batu Buruk (ii), Terengganu.*

Motif Perahu

Motif perahu ialah lakaran yang berbentuk sebuah perahu panjang yang agak unik. Ini kerana bahagian kepala perahu panjang tersebut telah dihiasi dengan lakaran yang menyerupai kepala seekor burung. Setakat yang diketahui, motif ini hanya terdapat di bahagian badan gendang Dongson sahaja. Jika diperhatikan dengan teliti didapati lakaran motif atau gambar perahu ini lebih mirip kepada perahu panjang yang biasanya digunakan oleh masyarakat Dayak di Borneo. Selain itu, di atas motif perahu panjang juga terdapat beberapa objek manusia yang seolah-olah sedang berpesta atau menjalankan upacara ritual, gendang, senjata seperti panah dan alat pengayuh perahu. Berdasarkan kajian setakat ini hanya sebuah sahaja gendang Dongson di negara ini yang memaparkan motif perahu iaitu gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu iaitu gendang Dongson yang bersaiz besar. Manakala gendang Dongson yang lain tidak terdapat motif ini sama ada pada bahagian badan atau timpanumnya. Oleh itu, untuk melihat rupa bentuk motif perahu panjang, sila rujuk *Lampiran 18* yang memaparkan motif perahu panjang Gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu. Jika diteliti secara mendalam, didapati rupa bentuk pola hiasan motif ini hampir sama dengan gendang Hoang Ha, Vietnam iaitu bahagian hujung perahu yang kelihatan melentok ke atas. Walau bagaimanapun rupa bentuk motif lain agak kabur dan sukar dikenali dengan jelas sama ada motif manusia atau sebagainya.

Berdasarkan lakaran motif perahu pada Lampiran 18 amat jelas sekali wujud sedikit perbezaan di antara satu sama lain. Besar kemungkinan gendang Moulie adalah lebih tua kerana di dalam motif ini didapati lakarannya amat simple dan tidak banyak terdapat lakaran motif yang lain. Sebaliknya, besar kemungkinan gendang Laos adalah lebih muda kerana selain motif manusia dan motif perahu menyebabkan ianya semakin kompleks. Berdasarkan motif perahu tersebut berkemungkinan susunan kronologi tua-muda artifak berkenaan ialah gendang Moulie, diikuti oleh gendang Ngoc Lu dan akhir sekali ialah gendang Hoang Ha. Selain itu didapati di samping motif perahu ini terdapat beberapa objek lain yang dilakarkan menunjukkan metafizika masyarakat zaman tersebut semakin maju dan berkembang.

Jika diperhatikan lakaran gambar perahu di dalam *Lampiran 18* juga didapati ia lebih mirip kepada perahu panjang yang biasanya digunakan oleh masyarakat di Borneo di mana rupa bentuknya mempunyai hiasan kepala dan ekor burung. Ada pendapat yang mengatakan bahawa lakaran gambar perahu dikaitkan dengan unsur-unsur ritual. Misalnya Victor Goloubew dan Duy Anh menyatakan bahawa berdasarkan kepada motif burung yang terdapat di kepala perahu panjang, ia adalah manifestasi kepada aspek kepercayaan komuniti Dayak yang terdapat di Borneo. Ini kerana komuniti Dayak mempercayai bahawa perahu panjang boleh digunakan untuk membawa roh atau semangat orang yang telah mati ke syurga (Han Xiaorong, 1998). Jika ini benar secara tidak langsung juga ia menggambarkan wujudnya

hubungan ras di antara komuniti Dayak dengan komuniti Lac Viet, di mana komuniti Lac Viet dikatakan adalah nenek moyang bagi komuniti Dayak yang terdapat di Borneo. Perahu juga telah digunakan oleh masyarakat prasejarah khususnya semasa upacara ritual yang berkaitan dengan pengkebumian mayat. Ini kerana konsep kepercayaan masyarakat prasejarah menganggap perahu boleh digunakan sebagai alat untuk membawa roh si-mati menuju ke alam yang lain (R.P. Soejono, 2002). Gambaran ini semakin jelas kerana terdapat beberapa watak manusia seolah-olah sedang melakukan upacara ritual atau mengadakan pesta (majlis keramaian) di atas perahu tersebut. Keadaan ini menggambarkan bahawa masyarakat ketika itu seolah-olah sedang memberi penghormatan kepada roh si-mati yang dibawa dengan perahu ke suatu tempat di alam yang lain.

Bagaimanapun pendapat ini tidak dipersetujui oleh Feng Hanji iaitu seorang ahli arkeologi China. Beliau mengaitkan motif perahu panjang ini sebagai lambang satu pertandingan lumba perahu panjang yang sangat popular di sungai-sungai kecil dan juga Tasik Dian yang terletak di selatan China (Han Xiaorong, 1998). Tambahan pula hiasan kepala burung khususnya di kepala perahu adalah sebahagian daripada tradisi masyarakat China kuno. Bagaimanapun pendapat umum oleh penyelidik China yang lain lebih mempercayai bahawa lakaran perahu panjang mempunyai kaitannya dengan maksud kerja-kerja menangkap ikan atau nelayan, aktiviti lumba perahu atau upacara persembahan atau ritual kepada semangat sungai. Pendapat ini kemudiannya disokong oleh beberapa penyelidik dari Vietnam yang juga menyatakan bahawa motif perahu tersebut adalah melambangkan satu perlumbaan perahu oleh masyarakat Viet kuno khususnya semasa menyambut sesuatu perayaan atau upacara meminta hujan.

Motif Abjad

Motif abjad hanyalah merupakan andaian para penyelidik memandangkan lakaran yang digarapkan pada gendang Dongson mempunyai persamaan dengan beberapa abjad yang wujud di zaman sekarang.[7] Motif abjad juga telah dihuraikan oleh Bernet Kempers yang menyatakan bahawa di antara motif atau lakaran yang seolah-olah menyerupai abjad ialah huruf *L, M, N, Z, ZL, ZX* dan *XX* (Bernert Kempers, 1988). Dari motif huruf abjad inilah pola hiasan telah berkembang menjadi kelok yang semakin berseni dan menarik. Secara umumnya motif abjad tersebut dilukis seolah-olah dalam keadaan terbalik dan miring (condong) kecuali huruf X. Sebagai contoh, motif abjad X bersambung di antara satu sama lain sehingga membentuk corak hiasan yang begitu simple dan menarik (XXX).

Lazimnya kedudukan motif abjad adalah berhampiran dengan motif tangga

7 Dari segi realitinya segala bentuk tulisan atau abjad sebenarnya masih belum wujud lagi pada zaman pra-sejarah. Bagaimanapun interpretasi berkaitan motif ini dibuat hanyalah secara berkebetulan dengan motif yang terdapat pada gendang Dongson.

dan motif gergaji. Kedudukan motif abjad ini juga dilukis seolah-olah sedang mengelilingi motif bintang atau pusat timpanum. Besar kemungkinan motif ini merupakan satu elemen baru akibat dari perubahan masa ataupun perkembangan idea yang dilakukan oleh golongan tukang ukir. Menurut Bernet Kempers lagi, di antara motif abjad yang paling kerap digunakan pada gendang Dongson ialah abjad 'Z'. Motif abjad 'Z' juga dibuat dalam keadaan yang condong (miring) dan lazimnya terdapat berdekatan dengan motif bulatan bertitik dan juga motif bintang. Corak motif hiasan yang memaparkan rupa-bentuk motif abjad ini dapat diperhatikan di *Lampiran 19*.

Contoh gendang gangsa dari luar yang memaparkan motif ini ialah gendang Battambang, Kemboja (abjad 'ZL2', gendang Banyumening, Indonesia (abjad 'ZL3'), gendang Hoang Ha, Vietnam (abjad 'ZL1'), gendang Mersi, Jawa (abjad 'ZX'), gendang Ngoc Lu dan Kur, Indonesia. Setakat ini sebanyak empat buah gendang Dongson di negara ini yang mempunyai motif abjad 'Z' (dalam keadaan terbalik dan miring) iaitu gendang Dongson Kampung Gaung dan gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii) (di Terengganu), gendang Dongson Kampung Sungai Lang (i) dan gendang Dongson Bukit Kuda/Klang (di Selangor). Gendang Dongson Bukit Kuda/Klang, Selangor dan gendang Dongson Kampung Gaung, Terengganu, menunjukkan motif abjad ZZZ dan LLL. Sementara gendang Dongson Kampung Sungai Lang (i), Selangor bermotif abjad XXX. Manakala gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu agak sukar ditentukan sama ada motif abjad ZZZ atau LLL. Sementara itu, jika dilihat secara perbandingan di antara motif abjad gendang luar dengan gendang Dongson di negara ini, didapati gendang Dongson Bukit Kuda/Klang, Selangor adalah hampir sama dengan gendang Battambang. Sementara itu gendang Kampung Gaung, Terengganu pula hampir sama dengan motif abjad gendang Haong Ha. Begitu juga dengan gendang Kampung Sungai Lang (i), Selangor didapati hampir sama motif abjadnya dengan gendang Moulie dan gendang Ngoc Lu.

Motif Binatang

Motif binatang sangat popular digunakan sebagai salah satu motif gendang gangsa sama ada pada badan atau timpanumnya. Di antara binatang yang pernah digunakan termasuklah lembu, naga, siput, burung pucung atau burung bangau, katak dan sebagainya. Motif binatang biasanya dilukis seolah-olah sedang bergerak mengelilingi motif bintang yang berada di tengah-tengah timpanum.[25] Kadangkala lakaran gambar atau motif ini turut dilukis di bahagian badan gendang. Namun demikian jika diperhatikan dari segi jumlah binatang yang dilukis ianya bergantung kepada keadaan, sama ada seekor, dua ekor (sepasang) dan kadangkala ada juga yang melebihi sepasang.

Motif Burung

Motif burung merupakan motif yang sangat popular terdapat pada gendang Dongson. Biasanya motif burung diukir seolah-olah sedang terbang mengelilingi bintang dan terdapat di atas kebanyakan timpanum gendang. Di antara ciri atau rupa bentuk motif burung adalah leher dan paroh yang panjang, kepak sedang kembang terbuka seolah-olah sedang terbang serta ekornya panjang. Dari segi bilangan, motif burung yang digunakan di atas timpanum tersebut juga sukar ditentukan jumlahnya. Ini kerana ada gendang Dongson yang mempunyai motif burung sebanyak empat, enam, sepuluh, dua belas dan empat belas ekor burung. Begitu juga dari segi jenis atau spesiesnya juga sukar ditentukan secara mutlak sama ada burung bangau atau burung pucung.

Sebenarnya perkara ini masih menjadi polemik di kalangan para penyelidik. Ini kerana, hingga setakat ini didapati masih tidak ada lagi satu kepastian yang mutlak tentang apakah jenis burung yang sebenarnya digunakan di atas timpanum gendang tersebut. Seorang penyelidik Vietnam bernama Dao Duy telah menegaskan bahawa burung tersebut merupakan sejenis burung yang popular di dalam lagenda masyarakat Viet yang dikenali 'burung lac'. Namun demikian kenyataan ini telah dipertikaikan oleh Dao Tu Kai yang menyatakan bahawa lambang burung tersebut bukannya burung lac, sebaliknya ia merupakan sejenis spesies burung murai ataupun sejenis spesies yang lain. Malah beliau lebih cenderung untuk menyatakan burung tersebut ialah sejenis burung pucung. Kenyataan ini adalah bersamaan dengan pendapat oleh kebanyakan golongan pengkaji yang menyatakan burung tersebut adalah sejenis burung bangau ataupun burung pucung. Pendapat ini adalah berdasarkan kepada identiti paruh (muncung) burung dan keadaan lehernya yang panjang. Manakala bagi Bernet Kempers pula, beliau menyatakan bahawa kebanyakan artifak gendang Dongson dari jenis Heger I yang ditemui setakat ini memang terdapat motif burung pucung terutama di atas timpanum. Kebiasaannya lakaran gambar burung pucung yang terdapat di atas bidang pukul gendang gangsa dari jenis Heger I atau gendang Dongson adalah sebanyak empat ekor. Jika dilihat dari segi kedudukan atau posisinya, motif burung dilukis seolah-olah sedang terbang secara berturutan mengelilingi sebutir bintang secara berlawanan dengan arah jam. Dari segi saiz, motif burung sukar untuk diukur secara mutlak, namun dengan mengambil contoh ukuran panjang saiz burung gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Kuala Terengganu dari kepala sampai ke bahagian ekor ialah berukuran 10.5 sm dan lebar ekornya ialah lebih kurang 2.5 sm.

Hampir kesemua gendang Dongson di negara ini mempunyai motif burung sama ada empat, sepuluh atau dua belas ekor burung. Misalnya gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang (4 ekor burung), gendang Dongson Bukit Kuda, Selangor (4 ekor burung), gendang Dongson Kampung Sungai Lang (i) (6 ekor burung), gendang Dongson Kampung Sungai Lang (ii), Selangor (4 ekor burung), gendang Dongson Kampung Batu Buruk (i), Terengganu (10 ekor), gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu (24 ekor), gendang

Dongson Kampung Gaung, Terengganu (4 ekor). Walau bagaimanapun gendang Dongson Kampung Sungai Sedu, Selangor sukar ditentukan jumlah atau bilangannya kerana masalah artifak yang ada sekarang tidak begitu sempurna untuk dikaji.

Sebagai perbandingan di antara motif burung gendang gangsa dari luar dengan gendang Dongson di negara ini, didapati gendang Kampung Batu Buruk (i), Terengganu adalah hampir sama dengan motif burung yang terdapat pada gendang Battambang. Sementara motif burung pada gendang Kampung Gaung, Terengganu pula hampir sama dengan motif burung pada gendang Victoria. Manakala motif burung pada gendang Dongson Bukit Kuda/Klang, Selangor dan gendang Dongson Kampung Batu Pasir garam, SungaiTembeling, Pahang didapati kedua-duanya adalah hampir sama. Elemen-elemen persamaan ini, selain berkemungkinan dihasilkan dari bengkel yang sama, berkemugkinan juga ia adalah sama dari aspek usianya. Untuk melihat motif ini, sila rujuk *Lampiran 20.* Manakala contoh artifak gendang gangsa dari luar yang mempunyai motif burung ialah dari gendang Banyumening (melebihi sepuluh ekor burung), gendang Sangeang (melebihi sepuluh ekor burung, gendang Roti, Indonesia (melebihi sepuluh ekor burung), gendang Vienna (melebihi sepuluh ekor burung), gendang Brussels (enam ekor burung), gendang Stockholm (enam ekor burung) dan gendang Ongbah, Thailand (enam ekor burung).

Motif Burung Terbang

Motif ini sekali imbas seolah-olah seperti seekor burung yang sedang terbang dengan sebelah kepaknya mengembang (terkuncup) tegak ke atas. Menurut B.A.V. Peacock, beliau lebih cenderung untuk menyatakan bahawa berkemungkinan motif ini menggambarkan seekor burung yang sedang berdiri dengan sayapnya terkuncup (kepak mengembang ke atas (B.A.V. Peacock, 1969). Sebenarnya motif burung ini sukar untuk ditentukan secara mutlak sama ada dari jenis burung helang, burung gagak atau burung hantu. Tetapi yang jelas motif burung ini bukanlah dari jenis burung pucung atau burung bangau kerana ia tidak mempunyai paruh dan kaki yang panjang. Lakaran motif ini biasanya dibuat dalam bentuk atau susunan satu lapis ataupun dua lapis sehingga menjadikan jumlah motif ini sangat banyak. Untuk melihat rupa bentuk motif ini ianya dapat dirujuk di *Lampiran 21.* Lakaran motif ini juga dibuat seolah-lah burung sedang terbang mengelilingi sebutir bintang atau matahari yang berada di tengah-tengah timpanum gendang Dongson. Susunan burung terbang ini jika dilihat sepintas lalu memang sungguh menarik dan berseni. Ini kerana corak susunan burung yang dibuat agak rapat dan dalam keadaan susunan yang berlapis di antara satu sama lain.

Di antara contoh gendang Dongson yang dijumpai di negara ini yang disusun satu lapis ialah gendang Dongson Kampung Sungai Lang (ii), Selangor dan Kampung Batu Buruk (i), Terengganu. Manakala gendang Dongson yang

mempunyai motif burung terbang yang disusun dalam keadaan dua lapis ialah gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu. Berdasarkan penelitian yang dibuat ke atas gendang Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu, didapati jumlah motif burung terbang adalah sebanyak 84 ekor. Sementara itu, contoh gendang gangsa di Asia Tenggara yang memaparkan motif burung terbang ialah gendang Brussels dan gendang Roti, Indonesia.

Motif Cicak

Motif ini sukar untuk ditentukan namanya yang sebenar kerana motif ini sangat jarang dilihat di mana-mana tempat sekalipun. Bentuknya sangat unik dan langsung tidak menyerupai sama ada binatang yang hidup di darat ataupun di dalam air. Bagaimanapun cicak adalah sebagai andaian bagi motif ini memandangkan rupa bentuknya yang hampir menyerupai seekor cicak. Berkemungkinan motif ini terus diaplikasikan oleh masyarakat yang menghasilkan gendang gangsa pada tahap-tahap terkemudian atau lebih muda. Ini kerana motif ini bukan dalam kategori motif yang *simple* atau ringkas. Setakat ini motif ini seringkali wujud bersama dengan motif burung seolah-olah sedang mengelilingi sebutir bintang atau matahari di atas permukaan timpanum.

Dari segi bilangan, didapati motif ini juga tidak banyak dan setakat yang dapat dikesan motif ini hanya terdapat pada gendang Dongson Kampung Sungai Lang (ii), Selangor sahaja. Tidak seperti sebagaimana lazimnya, motif-motif yang lain seperti motif burung yang kadangkala berjumlah empat, dua belas dan dua puluh empat ekor, bilangan motif cicak yang terdapat pada gendang Dongson berkenaan hanya sebanyak dua sahaja. Untuk melihat rupa bentuk motif cicak yang terdapat di atas timpanum gendang Dongson Kampung Sungai Lang, Selangor, manakala gendang luar yang memaparkan motif cicak ialah gendang David Weill. Untuk melihat rupa bentuk motif ini ianya dapat dirujuk di *Lampiran 22.*

Motif Katak

Sebahagian daripada identiti gendang gangsa yang sering kali ditemui ialah terdapatnya ukiran berupa patung katak atau kodok. Ukiran patung katak biasanya sebanyak empat ekor dan sering kali diletakkan di bahagian tepi timpanum.[8] Kadang kala terdapat juga gendang yang mempunyai ukiran sebanyak tiga ekor katak saling bertindih di antara satu sama lain seolah-olah sedang mengawan. Oleh itu secara tidak langsung keadaan ini dengan sendirinya akan menjadikan jumlah patung katak adalah sebanyak dua belas ekor. Dalam hal ini, adalah tidak mustahil untuk menyatakan bahawa fenomena ini adalah sebahagian daripada evolusi di dalam

---

8 Heger II presents either four or six frogs and occasionally one frog carrying a second one on its back. Bernet Kempers, *Kettledrums of Southeast Asia*, hlm. 177.

industri pertukangan Zaman Logam. Perubahan yang berlaku menggambarkan kepelbagaian variasi gendang gangsa ekoran daripada peningkatan daya kreativiti seni masyarakat Zaman Logam. Secara tidak langsung juga menggambarkan teori yang dikemukakan oleh Niita Eiji adalah benar iaitu evolusi pembuatan gendang gangsa adalah bermula daripada berbentuk simple menjadi semakin kompleks. Bagaimanapun, hasil penelitian ke atas beberapa gendang gangsa semasa *International Seminar on Dongson Culture and Tradition in Southeast Asia* pada 14-17 Januari 2002 di Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu, didapati terdapat juga patung katak yang berjumlah melebihi empat ekor. Sekiranya gendang jenis ini masih dalam klasifikasi Heger I, besar kemungkinan ia bukanlah dari klasifikasi gendang yang awal (tua), sebaliknya gendang ini adalah tergolong dalam kelompok gendang Heger I yang lebih terkemudian (muda).

Berdasarkan kajian ke atas gendang Dongson yang ditemui di negara ini, didapati hanya sebuah sahaja yang mempunyai ukiran katak iaitu gendang Dongson Kampung Sungai Lang (ii), Selangor. Di antara contoh gendang gangsa luar yang mempunyai ukiran katak sebanyak empat ekor ialah gendang Brussels, Selayar, Alor dan Roti, yang kesemuanya terletak di Indonesia. Rupa bentuk motif ini dapat dirujuk di *Lampiran 23.*

Motif Manusia

Motif manusia merupakan sebahagian daripada identiti yang terdapat pada artifak gendang Dongson. Motif ini terdiri daripada lakaran beberapa orang manusia yang sedang melakukan aktiviti tertentu seperti upacara ritual ataupun berpesta. Lazimnya lakaran motif manusia ini terdapat di bahagian badan gendang Dongson. Berdasarkan gambar daripada lakaran yang terdapat pada gendang Dongson tersebut, lakaran motif berkenaan seolah-olah menggambarkan sekumpulan manusia sedang menari atau bermain alat muzik. Besar kemungkinan lakaran tersebut menggambarkan sekumpulan manusia sedang bermain alat muzik untuk upacara ritual. Setakat ini didapati hanya gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu yang mempunyai motif ini berdasarkan serpihan badan artifak tersebut. Manakala gendang gangsa luar yang mempunyai motif ini ialah seperti di *Lampiran 18* yang memaparkan motif manusia di atas perahu panjang Gendang Hoang Ha,Gendang Ngoc Lu, Gendang Laos, Gendang Moulie dan Gendang Hoang Ha.

Berdasarkan kajian tipologi, gendang yang memaparkan motif yang kompleks menunjukkan artifak tersebut adalah muda atau baru dari aspek umur/usianya berbanding dengan gendang yang mempunyai lakaran motif yang *simple*. Oleh itu, kemungkinan gendang Dongson yang memaparkan motif manusia dan perahu panjang boleh diklasifikasikan sebagai muda kerana lakaran motifnya adalah kompleks. Contoh lakaran yang menunjukkan objek manusia yang sedang menari dan bermain muzik (kemungkinan alat tiupan atau serunai) dapat dirujuk di

Lampiran 24. Di samping itu, pada lakaran motif manusia juga turut memaparkan seorang pahlawan atau pejuang yang sedang memegang tombak.

Motif Manusia Memakai Hiasan Kepala

Motif ini digambarkan menerusi beberapa objek manusia seolah-olah sedang memakai hiasan di atas kepala yang dihiasi dengan bulu burung. Ini kerana menerusi lakaran yang terdapat pada badan gendang Dongson adalah jelas menunjukkan sekumpulan manusia sedang memakai perhiasan di kepala. Berkemungkinan perhiasan ini dipakai semasa sesuatu upacara tertentu seperti pesta keramaian atau upacara ritual yang berkaitan dengan kematian. Didapati corak atau bentuk perhiasan ini juga kelihatan hampir sama dengan corak hiasan kepala di dalam masyarakat Dayak yang terdapat di Borneo. Menerusi motif ini juga didapati terdapat lakaran gambar yang memaparkan objek manusia sedang memegang alat muzik iaitu sejenis serunai. Selain serunai, alat muzik yang lain terdapat bersama dengan kumpulan manusia di atas perahu ialah gendang. Berdasarkan lakaran motif ini adalah jelas bahawa ia berkaitan dengan sekumpulan manusia sedang melakukan upacara ritual ataupun merayakan sesuatu pesta di majlis keramaian. Secara tidak langsung ini menunjukkan gendang Dongson telah menjadi salah satu alat muzik yang istimewa di dalam masyarakat zaman Logam. Untuk melihat motif manusia yang memakai hiasan di kepala yang terdapat pada gendang Dongson sila rujuk *Lampiran 25.*

Jika merujuk jumpaan gendang Dongson di negara ini agak sukar untuk menyatakan sama ada terdapat motif manusia memakai hiasan di kepala atau tidak. Ini kerana kebanyakan artifak yang ditemui berkeadaan tidak begitu sempurna sama ada dalam keadaan serpihan atau retak. Bagaimanapun hasil penelitian ke atas serpihan gendang Dongson Kampung Batu Buruk (ii), Terengganu adalah jelas terdapat unsur-unsur yang hampir menyerupai motif ini tetapi di dalam bentuk yang tidak begitu jelas. Setakat ini motif manusia yang memakai hiasan di kepala yang ditemui pada gendang gangsa luar terdapat pada gendang Hoang Ha dan gendang Ngoc Lu yang rata-ratanya ditemui di Vietnam dan Laos.

Penyebaran Gendang Dongson

Menurut Peter Bellwood, gendang Dongson berasal dari utara Vietnam kira-kira 600 – 400 tahun SM., namun di dalam proses penyebaran ke negara ini berkemungkinan ia berlaku sewaktu era perdagangan berkembang iaitu di dalam abad ke-2 atau ke-3 Masihi. Sementara Bernet Kempers, kehadiran objek-objek gendang Dongson ke kawasan Asia Tenggara khususnya di beberapa kepulauan Indonesia adalah dibawa masuk oleh pelarian-pelarian dari Vietnam Utara. Namun pendapat ini agak berlainan dengan W. Linehan yang menyatakan bahawa kebudayaan Dongson adalah berasal dari Funan dalam abad ke-2 SM di mana kerajaan Funan telah dikuasai oleh kerajaan India yang menduduki Indo-china.

Begitu juga dengan A.B. Meyer & W. Foy, mereka berpendapat gendang Dongson adalah berasal dari Batoe Gadjah, Sumatera, Indonesia. Kemudian objek ini telah dibawa masuk ke Tanah Melayu dan ia sebenarnya dikatakan berasal dari Khmer (Kemboja).

Sebaliknya Leong Sau Heng lebih cenderung untuk mengaitkan salah satu faktor yang membantu penyebaran gendang Dongson ke negara ini pada zaman prasejarah adalah melalui aktiviti perdagangan. Memandangkan status gendang Dongson sebagai barangan import, maka sudah tentulah harganya juga tinggi dan tidak mampu dimiliki oleh golongan rakyat biasa pada masa itu melainkan hanya golongan istana ataupun ketua-ketua masyarakat sahaja. Kebetulan pula gendang Dongson hanya boleh didapati menerusi para pedagang dari tanah besar Asia khususnya Vietnam. Oleh itu, untuk mendapatkan gendang Dongson maka bermulalah proses pertukaran barangan dari luar dengan barangan tempatan. Sementara menurut Niita Eiji, salah satu faktor penyebaran gendang Dongson di Nusantara ialah terdapatnya bekalan hasil hutan dan bijih yang sangat dikehendaki oleh masyarakat di tanah besar Asia.

Fungsi Gendang Dongson

Memandangkan fungsi gendang gangsa di dalam masyarakat zaman prasejarah bersifat pelbagai, maka keadaan ini telah menarik minat ramai penyelidik untuk membuat kajian. Malahan didapati berbagai interpretasi juga telah dibuat oleh mereka mengenai fungsi dan kegunaan gendang gangsa di dalam kehidupan masyarakat pada waktu itu. Menurut Bernet Kempers, selain berfungsi sebagai alat muzik, gendang Dongson juga digunakan semasa majlis pertabalan raja-raja, amalan yang berunsur ritual dan pemujaan semangat, memanggil hujan, pengkebumian mayat, gendang untuk peperangan, objek atau barang dagangan, simbol status dan lain-lain lagi.

Begitu juga dengan Richard Morrall Cooler, beliau menyatakan bahawa di antara fungsi gendang gangsa di dalam masyarakat Karen di Burma ialah;

> Bronze drums were used by the Karen on many different occasions for variety of purposes. They were used primarily as a summoning devise to call the ancestor spirits and the people together for special occasions; to summon the spirits so that they could be reminded to be benevolent; to bring rain, and to witness a funeral, a marriage or a house-entering ceremony. They were also a form of currency and could be traded for goods or services and were often used in marriage exchanges. Finally, they were a symbol of status and no Karen could be considered wealthy without one (Richard Morall Cooler, 1979).

Sementara Intan Salina Idrus pula menyatakan bahawa fungsi gendang Dongson berbeza dari satu komuniti ke satu komuniti iaitu agraria atau maritim berdasarkan jenis kawasan petempatan di mana mereka berada. Contohnya gendang Dongson ini dijadikan simbol status dan pemujaan roh nenek moyang (Laos), tempat

menyimpan bijirin (Vietnam), tanda memperingati si-mati (Malaysia), memanggil hujan (Indo-China), menandakan bermulanya upacara menghadap raja (Thailand) dan sebagai menyimpan mayat (Indonesia) (Intan Salina Idrus, 2000).

Umumnya bagi masyarakat prasejarah khususnya di Asia Tenggara seperti Vietnam, Laos, Burma dan di bahagian selatan China, gendang Dongson biasanya dimiliki oleh ketua masyarakat sahaja. Ini kerana gendang Dongson dinilai sebagai objek yang melambangkan status atau kekuasaan seseorang individu. Menurut pendapat Alexandra Avieropoulou Choo,

> The drums were symbols of power and wealth and were buried with their owners, usually tribal chiefs in order to secure continuity of their authority in afterlife (Alexandra Avieropoulou Choo, 1987).

Senario yang sama juga berlaku di dalam komuniti yang tinggal di kawasan pergunungan yang terletak di sempadan Thailand dan Burma. Misalnya pendapat ini telah dinyatakan oleh Dhanit Yupho,

> The drum came to be held in great respect by the people of the Karen tribes of northern Thailand and Burma, and the leader of the people was required to used it regularly. If anyone else had even one drum of this kind among his possessions, he would have a higher social status than if he had seven elephants (Nata Eiji, 2002).

Menurut Nitta Eiji, gendang gangsa sangat penting di dalam kebudayaan komuniti Karen yang kebanyakannya mendiami kawasan pergunungan di antara Burma dan Thailand. Seseorang yang memiliki gendang gangsa yang mempunyai ukiran katak lebih disegani di dalam masyarakatnya berbanding dengan mereka yang memiliki sebanyak tujuh ekor gajah. Pemilik yang mempunyai gendang berkenaan dianggap seorang yang berharta dan mempunyai status yang tinggi di dalam masyarakatnya. Selanjutnya beliau menambah bahawa;

> Bronze drum was chief's treasure for the prestige. After his death, he brought his drum into his own tomb as the chief's status symbol (Nata Eiji, 2002).

Fenomena yang sama juga berlaku di Laos, gendang gangsa menjadi ukuran untuk menentukan status seseorang individu di dalam komuniti mereka. Misalnya, bagi seseorang individu dalam komuniti Lamet yang terdapat di Laos, semasa hidupnya mereka akan berusaha untuk mengumpulkan gendang Dongson sebanyak-banyaknya. Ini kerana, status seseorang individu semakin dihormati sekiranya mereka memiliki gendang Dongson di dalam jumlah yang banyak. Pendek-kata semakin banyak gendang Dongson yang dimiliki, maka status mereka di dalam komuniti tersebut juga semakin tinggi dan disegani.

Situasi sedemikian juga berlaku di beberapa lokasi yang lain. Misalnya di Alor, Indonesia, apabila seseorang individu yang memiliki *moko melai tanah* atau *itkira*, maka secara tidak langsung dapat diketahui sama ada ia berasal dari strata

yang disegani atau tidak. Hal yang sama juga berlaku bagi seseorang yang memiliki *moko pung* atau *kuang* di Pulau Buntar, Indonesia. Biasanya pendapat atau buah fikiran mereka akan didengar di dalam setiap musyawarah desa. Dalam sistem kepimpinan tradisional mereka lazimnya menduduki posisi sebagai pengurus, mungkin juga sebagai kepala desa atau kepala suku. Memandangkan moko melambangkan status kepada pemiliknya, maka biasanya moko merupakan benda pusaka yang dimiliki oleh ketua suku yang kemudiannya diperturunkan pula kepada anak lelakinya.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, Zaman Logam di negara ini sukar untuk difahami tanpa kehadiran Gendang Dongson. Ini kerana selain daripada melewati batas sempadan etnik dan budaya masyarakat prasejarah, gendang Dongson juga dilihat sebagai satu wadah yang menyalurkan berbagai informasi berkaitan dengan masyarakat pendokongnya. Biarpun terdapat berbagai interpretasi yang telah dikemukakan oleh para penyelidik, namun aspek ekonomi dilihat sebagai elemen utama yang mendasari proses penyebarannya di negara ini. Dengan lokasinya yang strategik, Tanah Melayu telah menjadi tumpuan para pedagang dari luar untuk mendapatkan bekalan bahan komoditi utama yang amat diperlukan khususnya bagi pembuatan barangan gangsa.

Sungguhpun demikian, kehadiran gendang Dongson bukanlah satu asas yang kukuh untuk mendakwa penyebaran kebudayaan Dongson telah diterima secara total di dalam kehidupan sosial masyarakat di rantau ini. Selain fungsinya yang bersifat pelbagai, sebenarnya kehadiran gendang Dongson juga adalah manifestasi kepada perkembangan aktiviti perdagangan serta sebagai lambang kemajuan masyarakat serantau. Status gendang Dongson di dalam kehidupan masyarakat prasejarah di negara ini adalah sebagai objek dagangan yang diimport dari luar iaitu di dalam klasifikasi 'barang mewah'. Tegasnya masyarakat prasejarah di negara ini bukanlah golongan yang menghasilkan, tetapi sebaliknya mereka hanyalah merupakan golongan pengguna sahaja objek berkenaan.

Bibliografi

Han Xiaorong. 1998. The present echoes of the ancient bronze drum: nationalism and archaeology in modern Vietnam and China. *Journal of the Southeast Asian studies student association.* Vol. 2. Manoa: University of Hawaii.

Intan Salina Idrus. 2000. Analisis pola hias haiwan pada permukaan bidang pukul gendang Dongson. *Jurnal Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan.* **3**: 51-61.

Kempers, B. 1988. *Kettledrums of Southeast Asia.* Rotterdam: A.A. Balkema Publishers.

Leong Sau Heng. t.th. The bronze drums of Southeast Asia. Kertas seminar Jabatan Sejarah. No. 7. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm. 1-32.

Leong Sau Heng. 1989. Satu perbincangan mengenai peningggalan objek-objek gangsa kecil dari zaman pra-sejarah Malaysia. *JAM*. 2: 1-8.

Leong Sau Heng. 2002. Heger 1 Type Drums found in Malaysia: Some comments on the significances of these finds. Kertas Kerja International seminar on Dongson Culture and tradition in Southeast Asia. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia. 14 - 17 Januari. Hlm.1-10.

Leong Sau Heng. 1998. Some observations on a newly found Dongson type bronze kettledrum from Selangor. *Jurnal Seri Alam*. **4**: 1-18.

Linehan, W. 1951. Traces of a bronze culture associated with iron age implements in the regions of Klang and the Tembeling, Malaya. *JMBRAS*. **24** (3): 1-59.

Loewenstein, J. 1956. The origin of the Malayan metal age. *JMBRAS*. **29** (2): 5-78.

Mohd Yusof Abdullah. 1993. Gendang Dongson di Muzium Negeri Terengganu: Satu catatan. *JA M*. **6**: 51-62.

Niita Eiji. 2002. The Mekong Basin toward society based on Heger I drums and Bronze Halberds. Excavation of Dai Trach: A Bronze Age settlement site in the Red River Plain. Kertas Kerja The 7th Congress Indo Pacific Academia Sinica, Taipei, Taiwan. R.O.C. September 9-5.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Che Muhamad Azmi Ngah. 1998. Galicari arkeologi tapak gendang Dongson di Kampung Gaung, Jertih, Terengganu. *JAM*. **11**: 61-75.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1998. *Early history*. Vol. **4**. Singapore: Archipelago Press.

Peacock, B.A.V. 1963. A preliminary note on the Dongson bronze drums from Kampung Sungai Lang. *FMJ*. **9**: 1-3.

Peacock., B.A.V. 1965b. Two Dong So'n drum from Kuala Terengganu. Malaysia in History **10** (2): 26-31.

Richard, M.C. 1995. *The Karen Bronze Drums of Burma*. Leiden: E.J. Brill.

Soejono, R.P. 1972. The distributions of types of bronze axes in Inodonesia. *Bulletin* of the archaeological Institute of Republic of Indonesia. 9: 1-7.


Soejono, R.P. 1977. *Jaman Pra-sejarah DiI Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

Soejono, R.P. 2002. The role of Prehistoric bronze drums in Indonesia. Ketas Kerja International seminar on Dongson Culture and tradition in Southeast Asia. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia. 14-17 Januari.


Sorensen, P. 1986. Kettledrums of Heger I type: some observations. Dlm. Ian & Emily Glover (ed.). *Southeast Asian Archaeology 1986*. Oxford: BAR International Series 561.

LAMPIRAN 1

Kronologi Jumpaan Gendang Dongson Di Semenanjung Malaysia




LAMPIRAN 2



Gambar dan Ilustrasi Menunjukkan Sebahagian Timpanum Gendang Dongson Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang.

LAMPIRAN 3




Ilustrasi Rupa Bentuk Serpihan Gendang Dongson Kg. Bukit Kuda/Klang, Selangor

LAMPIRAN 4




Rupa Bentuk Timpanum Gendang Dongson Kg. Sungai Lang (i), Selangor.




Rupa Bentuk Timpanum Gendang Dongson Kg. Sungai Lang (ii), Selangor.

LAMPIRAN 5




Serpihan Timpanum Gendang Dongson Kg. Batu Buruk (i), Terengganu.




Rupa Bentuk Timpanum Gendang Dongson Kg. Batu Buruk (ii), Terengganu.

LAMPIRAN 6




Gendang Dongson Kampung Gaung, Jertih,Terengganu.

LAMPIRAN 7




Gendang Dongson Kampung Sungai Sedu, Selangor

LAMPIRAN 8




Lokasi Jumpaan Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia.

LAMPIRAN 9




Taburan Jumpaan Gendang Gangsa/Dongson di Asia Tenggara.

LAMPIRAN 10




Motif Bintang Gendang Dongson
Di Semenanjung Malaysia.

LAMPIRAN 11




Motif Bintang Gendang Gangsa
Di Asia Tenggara

LAMPIRAN 11
Motif Segitiga




Rupa Bentuk Motif Segitiga Gendang Dongson Di Semenanjung Malaysia.




Rupa Bentuk Motif Segitiga Gendang Gangsa Di Asia Tenggara.

LAMPIRAN 12




Motif Tangga Gendang Dongson Di Semenanjung Malaysia.

LAMPIRAN 13




Rupa Bentuk Motif Bulatan Bertitik.

LAMPIRAN 14




Rupa Bentuk Motif Bulatan Bertitik Gendang DongsonDi Semenanjung Malaysia.

LAMPIRAN 15



Rupa Bentuk Motif Bulatan Bertangen.


LAMPIRAN 16



Motif Bulatan Bertangen Gendang Dongson Di Semenanjung Malaysia.

LAMPIRAN 17

Motif Perahu




Gambar Menunjukkan Tangkai Pemegang Gendang Dongson Batu Buruk (ii), Terengganu Yang Mempunyai Motif Atap.

LAMPIRAN 18

Motif Perahu




Rupa Bentuk Motif Perahu Gendang Dongson Batu Buruk (ii), Terengganu.




Rupa Bentuk Motif Perahu Pada Beberapa Gendang Gangsa Di Asia Tenggara.

LAMPIRAN 19




Rupa Bentuk Motif Abjad Gendang Dongson Di Semenanjung Malaysia.




Rupa Bentuk Motif Abjad Gendang Gangsa Di Asia Tenggara.

LAMPIRAN 20




Rupa Bentuk Motif Burung Pucung Pada Gendang Dongson Di Semenanjung Malaysia.



Rupa Bentuk Motif Burung Pucung Pada Gendang Gangsa Di Asia Tenggara.

LAMPIRAN 21




Rupa Bentuk Motif Motif Burung Terbang (Susunan Selapis).




Rupa Bentuk Motif Burung Terbang (Susunan Dua Lapis).

LAMPIRAN 22




Motif Cicak Yang Terdapat Pada Gendang Dongson Kg. Sungai Lang (ii), Selangor.



Motif Cicak Gendang Gangsa David Weill.

LAMPIRAN 23


Motif Katak



Gambar Menunjukkan Ukiran Patung Katak Di Atas Timpanum Gendang Kur, Indonesia.

LAMPIRAN 24

Motif Manusia Di Atas Perahu



LAMPIRAN 25

Motif Manusia Memakai Hasan Kepala

